

TARIKH : 06 OKTOBER 2020
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Banci penduduk dijadual semula

Susulan kes COVID-19 meningkat, langkah kurang pertemuan bersemuka

Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia menjadualkan semula Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 yang sepatutnya bermula esok hingga 24 Oktober ini kepada 20 Januari hingga 6 Februari 2021.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata penjadualan semula itu berikutan peningkatan mendadak kes COVID-19 sejak kebelakangan ini.

"Fasa kedua banci (secara bersemuka) yang akan bermula esok sehingga 24 Oktober ini dijadualkan semula kepada 20 Januari hingga 6 Februari 2021.

"Pembancian dalam talian yang berakhir pada 30 September lalu akan disambung semula pada esok hingga 21 Disember depan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mustapa berkata, dalam tempoh ini, orang ramai yang belum melengkapkan atau mengisi borang bancian digesa melakukannya melalui laman web



Mustapa Mohamed

<https://www.mycensus.gov.my/>.

"Langkah ini bertujuan mengurangkan pertemuan bersemuka yang akan meningkatkan risiko jangkitan COVID-19.

"Akta Banci 1960 (disemak 1969) mengkehendaki orang ramai mengambil bahagian dan menjawab semua soalan banci," katanya.

Katanya, data penduduk dan perumahan amat penting untuk kerajaan merangka dasar bagi kesejahteraan negara.

"Ini bagi memastikan setiap perancangan dibuat menepati kumpulan sasar dan tiada yang tercicir.

Sementara itu, seramai 3.25 juta penduduk di negara ini sudah melengkapkan bancian sendiri secara dalam talian atau e-CENSUS sehingga kelmarin.

Pesuruhjaya Banci 2020, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata angka itu menyamai 10 peratus berbanding anggaran penduduk 2020 seramai 32.7 juta.

"Banci 2020 sudah memasuki hari ke-91 dan berdasarkan respon diterima sehingga semalam (kelmarin), jumlah penduduk Malaysia yang sudah dibanci seramai 3.25 juta atau 10 peratus berbanding anggaran penduduk 2020 seramai 32.7 juta.

"Mengikut pecahan penerimaan e-CENSUS yang tertinggi dicatatkan Wilayah Persekutuan (WP) Putrajaya (62 peratus), diikuti Perak (17.4 peratus), Johor (14 peratus), Pulau Pinang (13.6 peratus) dan Negeri Sembilan (12.3 peratus)," katanya.

Mohd Uzir berkata, penduduk WP Kuala Lumpur yang sudah menyelesaikan e-CENSUS pula mencatatkan 11.6 peratus, manakala Selangor merekodkan 11.2 peratus.

"Bagaimanapun, bilangan penduduk terendah mengambil bahagian dalam e-direkodkan di Kelantan, iaitu hanya kira-kira 4.1 peratus, Sabah (4.3 peratus) dan Terengganu (4.6 peratus).

"Sehingga semalam (kelmarin), Perlis mencatatkan 9.1 peratus, WP Labuan (8.9 peratus), Melaka (8.7 peratus), Pahang (7.7 peratus), Kedah (7.7 peratus) dan Sarawak (6.5 peratus)," katanya.

Beliau berkata, susulan kerajaan melanjutkan tempoh banci fasa pertama ini, orang ramai perlu mengambil peluang sebaiknya dengan menjadikan pengisian e-CENSUS sebagai pilihan utama menjalankan tanggungjawab masing-masing.